

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**URUSAN LANTIKAN TETAP PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN DALAM KALANGAN GURU INTERIM  
BAHASA INGGERIS TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada urusan lantikan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 dalam kalangan guru interim Bahasa Inggeris (BI) bagi tahun 2022.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menetapkan bahawa setiap murid yang melalui sistem pendidikan di Malaysia perlu mahir dan fasih berbahasa Melayu serta mahir berbahasa Inggeris pada tahap "*independent proficiency*" seperti yang ditakrifkan oleh *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Oleh itu, mulai tahun 2022, urusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) baharu bagi opsyen BI perlu mengambil kira penguasaan BI calon pada tahap *proficient*, iaitu tahap CEFR C1.

Berdasarkan ketetapan tersebut, guru interim BI yang dilantik pada 22 April 2019 dan akan tamat tempoh lantikan pada 21 April 2022 serta telah memenuhi syarat CEFR C1 dan lulus temuduga akan dilantik tetap sebagai PPP Gred DG41 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Dalam masa yang sama, bagi guru interim BI yang akan tamat tempoh lantikan interim pada 21 April 2022 tetapi tidak memenuhi syarat CEFR C1, mereka akan turut ditemui duga untuk tujuan lantikan tetap sebagai PPP Gred DG41 oleh SPP dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, mereka perlu mencapai tahap CEFR C1 dalam tempoh percubaan, iaitu satu hingga tiga tahun bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kompetensi guru BI bagi memberi impak kepada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Ini secara langsung akan meningkatkan tahap penguasaan murid dalam BI seperti yang diaspirasikan berdasarkan piawaian antarabangsa CEFR.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
9 MAC 2022**